

KPDNHEP pantau peniaga naik harga barang



Mohd Nurkhuzaini (tiga dari kanan) membuat pemeriksaan sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2019 di Mydin Mall Gong Badak semalam.

KUALA NERUS - Seramai 110 penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu akan turun padang bagi menjalankan pemeriksaan dan pematanaan sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali kali ini.

Exco Keusahawanan, Industri Mikro dan Hal Ehwal Penjaja Terengganu, Mohd Nurkhuzaini Ab Rahman berkata, langkah itu dibuat bagi menyekat kenaikan harga barangan keperluan menjelang perayaan itu.

Menurutnya, penguatkuasaan skim harga maksimum itu bermula dari 20

Oktober hingga 2 November depan.

"Tempoh kuat kuasa ini selama 14 hari iaitu selama tujuh hari sebelum perayaan, pada hari perayaan dan enam hari selepas perayaan, berbanding 10 hari pelaksanaannya pada tahun 2018.

"Kementerian mengenal pasti sebanyak 19 jenis barangan bagi pelaksanaan skim harga maksimum pada tahun ini berbanding 16 jenis barangan sahaja sebelum ini. Pertambahan barangan ini melibatkan cili kering, bendi, kubis bulat import dari Indonesia dan China (tidak termasuk Beijing)," katanya.

Beliau berkata demi-

kian selepas Majlis Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2019 bertempat di Mydin Mall Gong Badak di sini semalam.

Hadir sama Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberi jaminan bekalan barangan keperluan mencukupi sepanjang musim tengkujuh kali ini.

"Setakat ini, bekalan barangan keperluan tidak terjejas dan harga juga masih terkawal. Jika ada yang ambil kesempatan, saya minta pengguna segera membuat aduan kepada KPDNHEP," katanya.